



SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/06/05_15 (HQ)

ETCON26 TNB MELABUHKAN TIRAI DENGAN SOKONGAN PADU INDUSTRI, PERKUKUH KERJASAMA MEMACU PERALIHAN TENAGA INKLUSIF

Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26), konvensyen utama **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, melabuhkan tirainya hari ini dengan sokongan padu industri dengan fokus untuk mengubah dialog dan perbincangan strategik menjadi tindakan serta pelaksanaan yang konkrit.

Persidangan tiga hari yang menghimpunkan lebih 4,000 delegasi dari seluruh ASEAN dan pasaran utama global itu menyaksikan terjalannya pelbagai kerjasama dan perjanjian strategik, penyelarasan dasar serta kolaborasi berasaskan pelaburan, yang memperkukuh peranan ETCon26 sebagai pemangkin pelaksanaan inisiatif yang mendukung agenda peralihan tenaga Malaysia dan ASEAN.

Penyertaan pembuat dasar, agensi kerajaan, peneraju industri, institusi kewangan dan rakan global dalam ETCon26 mencerminkan momentum serantau yang semakin mantap ke arah mempercepatkan penggunaan tenaga bersih serta memperkukuh kerjasama rentas sempadan.

Perkembangan ini turut memperlihatkan kesungguhan pelbagai pihak untuk membina ekosistem tenaga yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia menghadapi masa depan, selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

ETCon26 turut menerima sokongan meluas daripada ekosistem tenaga global melalui penglibatan 42 rakan strategik merentasi pelbagai sektor. Persidangan ini juga menghimpunkan peserta dari lebih 60 negara serta kira-kira 80 penceramah yang terdiri daripada pembuat dasar, peneraju industri, pelabur, pakar teknologi dan ahli akademik dari seluruh dunia.

Penyertaan yang memberangsangkan ini mengukuhkan kedudukan ETCon26 sebagai platform serantau yang semakin signifikan dalam memacu perbincangan, kerjasama dan penyelesaian berkaitan peralihan tenaga.

Kerjasama Strategik Memacu Pelaksanaan

ETCon26 menyaksikan pemeteraian 15 kerjasama dan perjanjian strategik melibatkan sektor tenaga boleh baharu, perdagangan elektrik rentas sempadan, pembangunan grid, infrastruktur gas serta pembangunan keupayaan.

Kerjasama ini bertujuan mempercepatkan penggunaan tenaga bersih dan boleh baharu, memperkukuh infrastruktur grid, memperluas inisiatif tenaga hijau rentas sempadan serta membangunkan bakat dan keupayaan tempatan bagi menyokong aspirasi transisi tenaga jangka panjang negara.

Perjanjian-perjanjian tersebut disaksikan oleh kepimpinan tertinggi negara sepanjang program berlangsung, termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Timbalan Menteri PETRA, Menteri dan Timbalan Menteri Ekonomi serta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Sokongan ini mencerminkan komitmen institusi yang kukuh serta kesediaan kerajaan untuk terus mempercepat agenda tenaga lestari negara.

Antara kerjasama yang dimeterai termasuk pembangunan projek solar terapung hidro hibrid, solar atas tanah dengan sistem penyimpanan bateri, inisiatif tenaga boleh baharu rentas sempadan, pemasangan solar bumbung, pembangunan infrastruktur gas, pemodenan grid serta program pembangunan kapasiti menerusi Energy Transition & Sustainability Academy (ETSA).

Memacu Peralihan Tenaga ASEAN

Sepanjang persidangan, pelbagai sesi perbincangan memberi tumpuan kepada keperluan mendesak untuk mempercepatkan peralihan tenaga ASEAN sejajar peningkatan permintaan elektrik yang didorong oleh kecerdasan buatan (AI), pendigitalan dan pertumbuhan pesat pusat data.

Perbincangan turut menyentuh aspek keselamatan bekalan tenaga bersih, pengukuhan daya tahan grid, peluasan penggunaan tenaga boleh baharu serta peningkatan kesalinghubungan tenaga rentas sempadan melalui inisiatif seperti Grid Kuasa ASEAN.

Menerusi sesi plenari, dialog kementerian dan perbincangan teknikal, para peserta menegaskan kepentingan penyelarasan yang lebih erat antara dasar, industri dan pelaburan bagi memastikan rantau ini kekal berdaya saing, terjamin dan lestari dalam landskap global yang semakin mencabar.

ETCon26 juga menekankan bahawa peralihan tenaga perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berteraskan rakyat, dengan fokus diberikan kepada pembangunan tenaga kerja, penglibatan industri tempatan, pemerksaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta penciptaan peluang baharu dalam ekonomi hijau dan digital.

Memperkasa fasa Peralihan Tenaga Seterusnya

Sebagai penganjur, TNB memainkan peranan penting dalam menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan bagi memperkukuh kerjasama dan mempercepatkan pelaksanaan projek. Persidangan ini memperlihatkan peranan TNB bukan sekadar sebagai syarikat utiliti, tetapi juga sebagai pemudah cara dan pemacu kerjasama strategik dalam landskap tenaga negara yang terus berkembang.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad berkata, ETCon26 membuktikan yang Malaysia mempunyai rangka dasar, kerjasama industri, kepakaran teknikal dan komitmen institusi yang diperlukan untuk mempercepatkan peralihan tenaga pada skala yang diperlukan.

“Berakhirnya ETCon26 menandakan permulaan kepada fasa seterusnya apabila pelbagai perjanjian dan kerjasama yang dimeterai akan diterjemahkan kepada tindakan melalui koordinasi yang lebih kukuh di peringkat Malaysia dan ASEAN,” kata beliau.

Ketika permintaan tenaga dan keperluan digital ASEAN terus meningkat, ETCon26 telah meletakkan asas yang kukuh bagi memperlengkap kesalinghubungan serantau, menggalakkan pertumbuhan yang lebih lestari serta memperkukuh sistem tenaga yang lebih berdaya tahan. Usaha ini sekali gus menyokong peranan Malaysia dalam membentuk masa depan tenaga yang lebih lestari dan bersepadu di rantau ini.

Mengenai ETCon26

Dianjurkan oleh TNB, ETCon26 berperanan sebagai platform serantau yang menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, pelabur, ahli akademik dan inovator bagi mempercepatkan kerjasama serta tindakan dalam agenda peralihan tenaga. Persidangan ini menghimpunkan kira-kira 80 penceramah dari Malaysia dan seluruh dunia, mewakili pelbagai sektor termasuk tenaga, teknologi, kewangan, dasar dan infrastruktur. Bertemakan “Tenaga & Kecerdasan Buatan (AI): Sinergi Memacu Peralihan Tenaga” (*Energy & AI: The Synergy for Energy Transition*), ETCon26 berteraskan tiga kandungan utama iaitu *Energy for AI*, *AI for Energy* dan *Energy Transition for People*.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 Jun 2026 jam 3:00 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 /

Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

Atau emel kami di: media@tnb.com.my

PHOTO 1



Pada 4 Jun 2026, Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menjadi detik penting apabila Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, merasmikan persidangan tersebut sekali gus memperkukuh komitmen Malaysia untuk membangunkan ekosistem tenaga yang lestari, berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan masa depan.

ETCon26 2026 meneruskan momentum persidangan sulung pada tahun 2023 yang menyaksikan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) oleh Perdana Menteri.

PHOTO 2



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof diiringi barisan pengurusan tertinggi TNB meninjau Terowong Imersif TNB selepas menyempurnakan majlis pembukaan Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 3 Jun 2026.

Terowong Imersif TNB menampilkan pengalaman interaktif yang menggambarkan aspirasi dan hala tuju landskap tenaga Malaysia bagi tempoh 25 tahun akan datang, merangkumi teknologi tenaga boleh baharu, penyimpanan tenaga bateri, teknologi hidrogen, serta inisiatif pemerangkapan karbon kea rah system tenaga yang lebih mampan dan berdaya tahan.

PHOTO 3



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad menyampaikan ucapan alu-aluan pada Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 3 Jun 2026.


PHOTO 4



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen bagi Kontrak Bekalan Tenaga Dua Hala (*Bilateral Energy Supply Contract, BESC*) di bawah Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (*Corporate Renewable Energy Supply Scheme, CRESS*) antara TNB dan DayOne. Dokumen tersebut ditukar antara Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif DayOne, Jamie Khoo.

Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad (dua dari kiri), Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (dua dari kanan), Pengerusi DayOne, Lim Ah Doo (paling kiri) dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Seri Asri Hamidon (paling kanan).

PHOTO 5



Pengunjung mengikuti pelbagai sesi perkongsian ilmu dan perbincangan strategik sempena Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) yang menghimpunkan menteri, pembuat dasar, peneraju industri, pelabur, pakar teknologi, ahli akademik dan tokoh pemikir industri dari dalam dan luar negara.

Sepanjang tiga hari berlangsung, ETCon26 menampilkan sesi plenari, dialog peringkat menteri, sesi pecahan (breakout sessions) dan pocket talks yang membincangkan pelbagai isu berkaitan peralihan tenaga, kecerdasan buatan (AI), keselamatan tenaga, pembangunan tenaga boleh baharu, pendigitalan serta kerjasama rentas sempadan bagi mempercepatkan agenda peralihan tenaga Malaysia dan ASEAN.

PHOTO 6



Pengunjung berinteraksi dengan demonstrasi teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI) dan pelbagai penyelesaian digital yang dipamerkan semasa Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26).